

 <p>MDBG</p>	BAHAGIAN PELESENAN JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH JALAN HAJI ABDUL WAHAB, 31000 BATU GAJAH.						
	SYARAT-SYARAT LESEN PREMIS MEMELIHARA HAIWAN TERNAKAN (AYAM DAN LAIN-LAIN UNGGAS)						
	Syarat-syarat/MDBG/JKAPP – 48a	<table border="1"> <tr> <td>No. Telefon</td> <td>05-3632020-3632030</td> </tr> <tr> <td>No. Fax</td> <td>05-3665930</td> </tr> <tr> <td>E-mail</td> <td>pelesenan@mdbg.gov.my</td> </tr> </table>	No. Telefon	05-3632020-3632030	No. Fax	05-3665930	E-mail
No. Telefon	05-3632020-3632030						
No. Fax	05-3665930						
E-mail	pelesenan@mdbg.gov.my						

1. Lesen ini tidak boleh dipindahmilik tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua, Majlis Daerah Batu Gajah. Lesen-lesen hanya dikeluarkan kepada perusahaan ternakan ayam dan unggas yang sedia ada dan yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan tiada pengeluaran lesen bagi mana-mana cadangan kawasan baru. Sekiranya tidak beroperasi lesennya dibatalkan dan tidak boleh dipindah milik.
2. Pengusaha bertanggungjawab mengisytiharkan secara bertulis kepada Majlis ini mengenai adanya bahan berbahaya di premis berkenaan samada sebelum, semasa atau selepas pemprosesan (termasuk sisa ladang/reban).
3. Pengusaha premis hendaklah tidak menimbulkan kacauganggu, bau busuk, pembiakan alat nyamuk dan lain-lain serangga pembawa penyakit.
4. Kelulusan lesen (atau lain-lain kaedah yang ditetapkan oleh PBT) hendaklah dipamerkan pada setiap masa di tempat yang mudah dilihat di premis dan hendaklah dikemukakan jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai Majlis yang diberikuasa..
5. Setiap haiwan yang dipelihara, pemunya perlu membuat penandaan bagi tujuan pengenalan pemilik dan penentuan milikan ke atas haiwan tersebut. Mana-mana haiwan yang tidak memiliki tanda pengenalan pemilik atau penentuan milikan adalah dianggap sebagai haiwan berkeliaran dan boleh dilupuskan oleh pihak Majlis dengan apa cara yang difikirkan sesuai.
6. Jarak ladang dan sempadan kawasan kediaman hendaklah mematuhi piawaian atau garis panduan yang ditetapkan oleh agensi berkuasa.
 - **0.20 kilometer** dari kawasan perbandaran, perumahan, pelancongan, perindustrian, penempatan dan kemudahan awam.
 - Jauh dari sumber takungan air bersih untuk kegunaan awam.
 - Mempunyai prasarana yang baik untuk tujuan pengangkutan barangan 'input' dan 'output' ladang.
 - Mempunyai kemudahan komunikasi segera.
 - Jauh dari tasik, kolam dan sungai yang selalu disinggahi burung hijrah.
 - Sistem saliran air yang baik tanpa masaalah air bertakung atau banjir.
 - Ventilasi yang baik tidak kurang dari **0.5 kilometer** dari ladang unggas lain.
 - Dataran tanah yang membolehkan paksi panjang reban menghala ke arah timur / barat dan tepinya menghala utara /selatan. untuk mengurangkan pancaran matahari ke dalam reban.
 - Masterplan lokasi untuk perkembangan projek akan datang

7. Ladang penternakan ayam perlu memenuhi keperluan Modern Farming atau “enclosed system” serta mempunyai infrastruktur yang lengkap seperti setor makanan, setor ubatan atau setor perkakasan.
 - Reban Tertutup
 - Reban ditutup keseluruhannya sepanjang masa.
 - **“Curtain”** dibuka apabila perlu.
 - Persekitaran (suhu, kelembapan dan peredaran udara) di dalam reban dikawal.
 - Udara masuk dan keluar dikawal menggunakan kipas.
 - Dua kaedah kawalan persekitaran “evaporative cooling system” dan “tunnel ventilation” boleh digunakan.
 - Setingkat atau dua tingkat.
 - Sila rujuk Buku Panduan Reban Tertutup Ayam Pedaging yang oleh JPV.
8. Kawasan pemeliharaan ternakan dibina berasingan dari kawasan pengeluaran. Kemudahan **pencuci hama automatik** hendaklah disediakan di pintu masuk utama untuk cucihama sebarang kenderaan yang masuk ke dalam ladang. Pencelup kaki disediakan di setiap pintu masuk ke unit pengeluaran.
9. Mengurus pencemaran Lalat :
 - 9.1. Program kawalan lalat perlu diwujudkan dan dilaksanakan dengan sempurna.
 - 9.2. Tahap infestasi lalat dipantau sepanjang masa dan dipastikan berada pada paras minimum (Indeks Lalat di bawah paras 10) mematuhi Enakmen Perladangan Negeri Perak.
10. Mengurus pencemaran habuk dan bunyi :
 - 10.1. Pastikan udara yang disedut keluar daripada reban (reban tertutup) tidak mencemarkan udara dan memudaratkan kawasan persekitaran. Pastikan juga bunyi dari aktiviti perladangan tidak mengganggu kesejahteraan awam di sekitarnya.
11. Pengurusan air buangan sisa ladang :
 - 11.1. Air buangan sisa ladang yang mempunyai pepejal tidak dilepaskan terus ke dalam sistem saliran atau perparitan.
 - 11.2. Ladang hendaklah mempunyai sistem pengolahan atau rawatan air buangan sisa ladang yang efektif.
 - 11.3. Tentukan air buangan yang dilepaskan ke dalam sistem perparitan mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009. Sistem pengolahan yang sistematik dan terancang dan terkawal serta memudahkan pengurusan dan senggaraan.

12. Penggunaan kawasan ternakan ayam dikategorikan di bawah kategori industri pertanian di mana kelulusan kebenaran merancang (berserta Laporan Cadangan Pemajuan) hendaklah diperolehi dari Pihak Berkuasa Negeri/Tempatan.
13. Zon penamparan (*buffer zone*) hendaklah diperuntukkan di sekeliling kawasan ternakan ayam. Zon penamparan (*buffer zone*) hendaklah diperuntukkan di sekeliling "**Poultry Farming Area**" bagi menghindarkan bau. Pokok-pokok yang bersesuaian hendaklah ditanam dengan rimbun di dalam zon penamparan.
14. Penternak perlu melaksanakan Amalan Perladangan Yang Baik (GAHP) mengikut garis panduan yang diterbitkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS).
15. Pihak Majlis berhak untuk membatalkan lesen sekiranya penguasaha gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis boleh memasuki premis untuk tujuan pemeriksaan atau penyiasatan yang berkaitan (Seksyen 110, Akta Kerajaan Tempatan 1976).
16. Mematuhi segala arahan Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis ini dari masa ke semasa.

ARAHAN,

Undang-Undang Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan Dan Haiwan Merayau (Majlis Daerah Batu Gajah) 2012

Majlis Daerah Batu Gajah

Tarikh kemaskini : 02 OGOS 2024